



HUBUNGAN LEMBU DENGAN DEWA DALAM HINDU: KAJIAN TERHADAP MAHASISWA UNIVERSITI

THE RELATION OF COW WITH GOD IN HINDU: A STUDY ON UNIVERSITY STUDENTS

Nurhanisah Senin^{1*}, Nazneen Ismail², Nurzatil Ismah Azizan³ & Zainory Shafie⁴

¹ Department of Dakwah & Usuluddin, Faculty of Islamic Studies Civilization, Selangor International Islamic University College, Malaysia

Email: nurhanisah@kuis.edu.my

² Department of Dakwah & Usuluddin, Faculty of Islamic Studies Civilization, Selangor International Islamic University College, Malaysia

Email: nazneen@kuis.edu.my

³ Department of al-Quran & al-Sunnah, Faculty of Islamic Studies Civilization, Selangor International Islamic University College, Malaysia

Email: nurzatil@kuis.edu.my

⁴ Department of Dakwah & Usuluddin, Faculty of Islamic Studies Civilization, Selangor International Islamic University College, Malaysia

Email: zaimuslim78@ymail.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 03.03.2020

Revised date: 22.03.2020

Accepted date: 29.03.2020

Published date: 10.06.2020

To cite this document:

Senin, N., Ismail, N., Azizan, N. I., & Shafie, Z. (2020). Hubungan Lembu Dengan Dewa Dalam Hindu: Kajian Terhadap Mahasiswa Universiti. International Journal of Humanities, Philosophy and Language, 3 (10), 01-11.

DOI: 10.35631/IJHPL.310001.

Abstrak:

Penyucian lembu dalam agama Hindu bertitik tolak daripada kepercayaan penganutnya terhadap kedudukan lembu yang menyamai taraf dewa. Dalam kerencaman kehidupan beragama, aktiviti penyembelihan lembu oleh penganut agama lain boleh menyebabkan konflik wujud. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kepercayaan masyarakat Hindu terhadap hubungan lembu dengan dewa dari perspektif mahasiswa universiti di Selangor. Kajian dilakukan secara kualitatif menggunakan pendekatan temubual separa berstruktur. Seramai 10 orang mahasiswa terlibat sebagai informan kajian. Data temubual telah dianalisis menggunakan pendekatan tematik. Hasil kajian menunjukkan kepercayaan informan terhadap kedudukan lembu sebagai dewa adalah sejajar dengan teks Hindu yang menekankan konsep Kamadhenu dan Gomatha yang merujuk kepada lembu sebagai ibu yang banyak memberi manfaat kepada alam dan memenuhi keperluan manusia. Hal ini dimanifestasikan menerusi pengagungan lembu seperti yang digambarkan dalam simbol Kamadhenu iaitu lembu putih yang menempatkan 33 esensi dewa-dewa Hindu yang jelas menunjukkan kesucian lembu. Manifestasi kesucian lembu juga dapat dilihat apabila iaanya menjadi haiwan kesayangan dewa Shiva dan Krishna. Tuntasnya, masyarakat Hindu percaya lembu merupakan haiwan yang suci yang harus dihormati dan disanjungi

seperti dewa sehingga menyebabkan membunuh dan memakannya adalah dilarang dalam kalangan penganut Hindu.

Kata Kunci:

Lembu, Dewa, Kamadhenu, Gomatha, Mahasiswa Universiti

Abstract:

Veneration of cow stems from its adherents' belief in that perceived cow as having an equal position to the god. In diverse religious life, the act of slaughtering cows by other religious members may lead to conflicts. Therefore, this study aimed to identify the Hindus' belief in cow's relation with the deity from the perspective of university students in Selangor. The study was conducted qualitatively through a semi-structured interview. A total of 10 students were involved as informants. Interview data were analyzed using a thematic approach. The results show that the informants' belief in the position of the cow as a deity is in line with the Hindu text that emphasizes the concept of Kamadhenu and Gomatha which refers to the cow as a mother who benefits greatly in nature and meets human needs. This is manifested through the depicted cow symbol of Kamadhenu, a white bull that holds 33 essence of Hindu deities which clearly shows the veneration of the cow. The manifestation of the sacred cow is also apparent with Shiva and Krishna who held cow as their vehicle and beloved animal. In sum, the Hindu community believed that cows are sacred animals that should be respected and revered as a god while killing and eating them are prohibited among Hindus.

Keyword:

Cow, Deity, Kamadhenu, Gomatha, University Students

Pendahuluan

Permulaan amalan penyucian lembu oleh masyarakat Hindu dapat dikaitkan dengan aspek ekonomi dan pertanian masyarakat India. Pada zaman pra-Hindu di India atau dikenali sebagai zaman Veda kuno, lembu disembelih dan dimakan dan merupakan salah satu makanan terpenting yang ditawarkan kepada para dewa dan dimakan oleh peserta-peserta dalam upacara agama Hindu (Achaya, 2002). Pada zaman tersebut, lembu tidak dianggap sebagai haiwan yang istimewa mahupun suci seperti yang difahami dalam konteks hari ini (Jha, 2002). Seiring dengan peredaran masa, golongan Brahmin menjadi kasta yang bertanggungjawab terhadap perlindungan binatang ternak daripada sebarang penyembelihan. Lembu menduduki kedudukan penting dalam ekonomi pertanian India. Dengan pengukuhan pertanian dan kepadatan penduduk India yang semakin meningkat, kekurangan bilangan lembu menjadi faktor penghalang utama terhadap pembangunan ekonomi dan mengancam ketersediaan haiwan bajak kepada para petani (Margo, 2012). Lembu dianggap sebagai penggerak ekonomi di India disebabkan fungsinya yang pelbagai seperti sebagai alatan bajak, produk tenusu, lemak, dan sebagainya.

Harris Marvin seorang ahli antropologi teoritis paling kontroversial abad ke-20 memberikan teori mengenai kesucian lembu. "*India's sacred cow*" oleh Marvin Harris menyatakan penggunaan agama, sosial, dan bahkan praktikal lembu, memperkuatkan keyakinan orang India terhadap kesucian haiwan peliharaan. Menurut beliau, lembu adalah haiwan suci dan

tidak boleh disembelih bagi masyarakat Hindu. Lembu adalah sumber penting dalam menghasilkan susu dan produk tenusu yang lain dalam masyarakat Hindu. Lembu digunakan untuk menarik pembajak dalam pertanian, susu lembu untuk diminum, kotoran lembu boleh dijadikan baja dan bahan api memasak serta menjadi sumber tenaga yang penting, dan tanduknya digunakan dalam industri kulit. Lembu juga dijadikan sebagai binatang utama dalam masyarakat Hindu kerana memerlukan banyak manfaat disamping pengeluaran kos penjagaan dan perbelanjaan ekonomi yang minimum serta sedikit. Lembu tidak perlu disediakan makanan yang susah oleh sebab lembu hanya memakan rumput, tidak memerlukan masa dan tenaga yang banyak untuk menjaganya, dan lembu tidak perlu disediakan tempat tinggal seperti manusia (Harris, 1987).

Sudah difahami secara meluas bahawa antara ajaran utama dalam Hindu adalah penyucian lembu di kalangan masyarakatnya. Lembu dianggap sebagai binatang yang suci, maka menyembelih dan memakannya adalah tindakan yang tidak dapat diterima. Dengan membunuh, seseorang itu akan menghalang kitaran semula jadi kelahiran dan kematian haiwan itu, dan oleh sebab yang demikian, haiwan itu harus dilahirkan semula dalam bentuk yang sama dengan kematiannya yang mana ia adalah tidak wajar (Stephen, 2011).

Selain itu, penganut Hindu yang bersungguh-sungguh mendalamai ajaran agama Hindu akan berpantang daripada memakan daging lembu atau apa-apa yang berkaitan dengan lembu malahan banyak pula diantara mereka yang menempuh hidup sebagai *vegetarian* (Ketut, 1993). Hal ini sejajar dengan konsep Ahimsa yang menjadi asas kepercayaan penganut Jaina yang melarang penganutnya membunuh ataupun melakukan sebarang kekerasan terhadap sebarang makhluk yang hidup (Zulkeffly & Indriaty, 2019). Mereka yang tidak memakan daging lembu bukanlah kerana mereka menganggap lembu itu haram ataupun jijik bahkan mereka meninggalkan perkara tersebut sebagai tanda menghormati lembu.

Bertitik tolak daripada kepercayaan mereka terhadap kesucian lembu, terdapat gerakan ekstrem di India yang bergerak atas kepercayaan ini. Menurut laporan Reuters, terdapat sejumlah 63 serangan daripada kumpulan aktivis Hindu di antara 2010 dan pertengahan 2017 dan kebanyakannya berlaku selepas 2014 iaitu sejak pemerintahan Modi. Dalam serangan-serangan tersebut dianggarkan 28 bangsa India terbunuh dan 24 daripadanya adalah Muslim manakala 124 lagi cedera ("Protests held across India after attacks against Muslims". Reuters. 28 June 2017).

Di Malaysia pula, dengan jumlah penduduknya yang terdiri daripada tiga kaum besar iaitu Melayu (54.2%), Cina (25.3%) dan India (7.5%) dan lain-lain (13.0%) telah memperlihatkan keharmonian dalam kehidupan beragama. Walaupun Malaysia boleh dikategorikan sebagai negara yang aman dan stabil, terdapat juga sebahagian ahli akademik yang beranggapan tahap keharmonian di Malaysia agak tegang dan membimbangkan (Kim 2007 & Shamsul Amri 2005).

Hal ini dapat dilihat apabila penyembelihan lembu korban di Sekolah Kebangsaan Puchong Jaya pada tahun 2013 telah menimbulkan reaksi daripada masyarakat Hindu di situ (Sinar Harian, 2013). Kenyataan Majlis Perundingan bagi Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao Malaysia (MCCBCHST) 2011 telah meminta amalan menyembelih lembu tidak diteruskan di kawasan sebegitu kerana mungkin menyentuh sensitiviti mereka yang beragama Hindu yang menganggap lembu sebagai satu haiwanyang suci.

Namun begitu, tiada sebarang rusuhan antara penganut agama berlaku. Radikalisme atas nama agama boleh dielakkan sekiranya kefahaman dan toleransi dapat diamalkan dalam masyarakat berbilang agama. Keharmonian beragama boleh dicapai menerusi dialog antara agama dalam usaha memupuk kefahaman tentang agama lain.

Oleh kerana Malaysia merupakan sebuah negara bermasyarakat majmuk, maka perbezaan agama dan budaya adalah suatu perkara yang dimaklumi bersama. Namun, kebarangkalian untuk konflik berlaku tetap ada berpunca daripada kejahilan dalam memahami agama-agama selain yang dianuti. Justeru, kajian ini bertujuan menjelaskan dengan lebih terperinci berkenaan hubungan lembu dengan dewa dalam ajaran Hindu yang menyebabkan haiwan tersebut dimuliakan dan diagungkan oleh penganut Hindu. Hal ini merupakan salah satu platform dalam dialog antara agama dalam meningkatkan kefahaman antara penganut agama dalam usaha melestarikan keharmonian dalam umat beragama.

Hubunga Lembu Dengan Dewa Dalam Ajaran Hindu

Secara umumnya, kaitan antara lembu dengan dewa dimanifestasikan oleh masyarakat Hindu dengan kewujudan simbol agama yang popular iaitu Kamadhenu (yang memenuhi keperluan) atau Gomatha (ibu lembu). Kamadhenu merujuk kepada sesuatu yang memberi kepada sesiapa sahaja yang meminta. Dalam erti kata lain, ia merujuk kepada lembu yang banyak memberi manfaat kepada manusia. Manakala Gomatha pula terdiri daripada dua perkataan iaitu ‘Go’ membawa maksud lembu manakala ‘Matha’ membawa maksud ibu yang membawa maksud ibu lembu (Biardeau, 1993).

Kamadhenu dianggap sebagai dewi dan sangat berkait rapat dengan Prithvi (ibu alam) yang lazimnya disebutkan sebagai lembu dalam bahasa sanskrit. Lembu yang suci dianggap sebagai lembu yang suka berkorban dan mempunyai ciri-ciri keibuan dalam memastikan kelestarian alam. Menurut teks Hindu Mahabharata, Kamadhenu berasal daripada lautan kosmik Tuhan. Oleh itu, ianya dianggap sebagai anak tuhan di mana ia diperintahkan oleh Brahma untuk memberikan susu dan ghee untuk ritual korban. Seajar dengan pengertian gomatha yang membawa maksud ibu lembu merujuk kepada manfaat dan diberikan oleh lembu kepada manusia sepertimana pengorbanan seorang ibu kepada anak-anaknya (Venugopalam, 2003).

Gomatha dirupabentukkan sebagai lembu betina berwarna putih yang menempatkan 33 dewa Hindu daripada tanduknya sehingga ekornya (Smith, 2006). Setiap atom di dalam tubuh lembu adalah tempat tinggal 33 esensi tuhan antaranya Brahma dan Vishnu pada akar dua tanduk. Parvathi di pinggir kepala, Shankara di kepala pusat, Kartikeya di hidung, Kambala dan Ashwatra Devas di hidung, Ashwini Kumaras di telinga, Indra di leher, Dharma di paha, Moksha di kaki, dan lainnya. Selain itu juga, Kesemua 14 dunia dongeng wujud di kaki lembu (Bhaktivedanta Swami Prabhupada, 2014).

Kemunculan Gomatha ini lahir daripada sebuah mitos yang popular di mana pada suatu hari apabila berlakunya kemarau, Raja Prithu memanah ke langit untuk meminta bantuan daripada tuhan. Lalu tuhan menurunkan seekor lembu dan meminta Raja Prithu menjaganya. Lembu tersebut lalu memberikan bantuan kepada manusia dengan memberikan mereka susu dan ghee. Oleh kerana lembu banyak membantu manusia, akhirnya lembu dianggap sebagai ibu yang suci (Doniger, 2017).

Semua lembu dianggap suci oleh masyarakat Hindu sebagai satu manifestasi terhadap kepercayaan mereka kepada Gomatha. Majoriti masyarakat Hindu memandang tinggi dan menghormati lembu sehingga mengangkat lembu sebagai setaraf dengan dewa. Gomatha

dilihat sebagai makhluk suci dan juga sebagai tokoh keibuan. Dia adalah ibu kepada jutaan orang India. Perlindungan lembu bermaksud melindungi seluruh ciptaan Tuhan. Lembu dilihat adalah lebih baik daripada ibu yang memberi melahirkan manusia. Ibu manusia memberi kita susu untuk beberapa tahun dan kemudiannya menjangkakan kita untuk berkhidmat kepadanya ketika kita dah dewasa. Manakala, lembu pula tidak mengharapkan dari manusia apa-apapun selain dari rumput dan bijirin. Ibu sering jatuh sakit dan menjangkakan perkhidmatan dari manusia. Sebaliknya, lembu sangat jarang jatuh sakit. Ibu apabila dia mati akan menelan perbelanjaan pengebumian atau pembakaran mayat. Lembu pula adalah berguna walaupun sudah mati sepertimana ketika dia masih hidup (Lodrick. 2005). Mereka percaya setiap bahagian tubuhnya seperti dagingnya, tulangnya, ususnya, tanduknya dan kulitnya boleh digunakan dan dimanfaatkan yang menyebabkan lembu diangkat kepada satu kedudukan yang tinggi dalam ajaran Hindu. Ini tidak merendahkan ibu biologi tetapi untuk menunjukkan sebab-sebab besar untuk menyembah lembu itu.

Di dalam tubuh lembu bersemayamnya tiga puluh tiga dewa. Dewa-dewa tersebut bersemayam di tempat yang berbeza-beza, ada yang di perut, paha, punggung dan leher. Disebabkan keyakinan bahawa di tubuh lembu menjadi tempat bersemayam bagi para dewa-dewi, maka tidak mungkin diperbolehkan perbuatan menyembelih lembu. Masyarakat Hindu juga menghormati lembu sebagai perwujudan dari ajaran ahimsa. Ahimsa bermaksud tidak melakukan kekerasan dan tidak boleh membunuh semua makhluk yang bernyawa. Sebagai rasa syukur kepada tuhan manusia sepatutnya menghormati sesama mahluk ciptaan tuhan seperti tidak membunuh binatang yang berkaki empat (Korom, 2000).

Kaitan lembu dengan dewa seterusnya dapat dilihat menerusi penggunaan lembu dalam upacara keagamaan mereka. Najis dan ghee lembu digunakan sebagai bahan bakar dalam upacara pemujaan tuhan (Venugopalam, 2003). Menurut masyarakat Hindu, najis dan ghee lembu dapat menyucikan udara di mana ianya mempunyai bahan-bahan yang dapat menghilangkan kontaminasi udara. Menurut rawatan Ayurveda, sebahagian penyakit bukan hanya mampu diubati dengan memakan ubat-ubatan sahaja. Namun rawatan yang lebih terperinci perlu dilakukan dalam membersihkan karma buruk mereka yang lalu. Terdapat lima bahan utama daripada lembu yang digunakan dalam ritual Ayurveda iaitu najis, air kencing, susu, ghee dan susu masam yang disebutkan sebagai Panchagavya. Kelima-lima bahan ini digunakan secara meluas dalam perubatan Ayurveda. Kitab Veda menunjukkan bagaimana lembu merupakan simbol kekayaan bagi seseorang.

“Lembu adalah masa lalu dan masa depan. Dia menyuburkan kesihatan semua makhluk hidup, dan dia adalah akar kemewahan.”(Gavopanishada: 2)

Dalam ayat lain disebutkan juga bagaimana hasil daripada lembu ini sangat bermanfaat buat manusia,

Do not hesitate to consume cow urine and cow dung – they are sacred. But one should never eat the cow meat. A person becomes stronger by consuming Panchagavya. (Mahabharata, Anushasana Parva 78-17)

Ayat di atas menunjukkan bagaimana lima bahan daripada lembu iaitu najis, air kencing, susu, ghee dan susu masam digunakan sebagai ubat dalam memberikan kesembuhan kepada seseorang. Hal ini menunjukkan kelebihan lembu yang dianggap setaraf dengan dewa dapat memberikan manfaat kepada manusia.

Tambahan lagi, dewi Lakshmi yang merupakan dewi kekayaan dikatakan berada di faraj lembu yang merupakan laluan keluar air kencing lembu yang dianggap mempunyai pelbagai manfaat. Lembu merupakan binatang pilihan para dewa-dewi kerana lembu merupakan binatang yang memberikan kehidupan pada alam semesta. Para pengikut Hindu menghargai, menghormati dan melindungi lembu sebagai jalan bakti kepada Tuhan (Simoons, 1973). Dengan jalan bakti tersebut maka mereka akan mendapatkan kesempurnaan dalam hidup mereka. Mereka mempersesembahkan doa-doa serta pujian untuk lembu kerana telah memberikan kehidupan dan kemakmuran.

Dalam mitologi dan falsafah masyarakat Hindu, Lembu merupakan kenderaan Dewa Siva. Lembu dikenali sebagai Nandini yang setia kepada Dewa Siva. Dalam setiap perjalanan Dewa Siva, Nandini selalu setia menghantarkannya. Dalam suatu cerita, Nandini rela meninggalkan keluarganya demi menghantar Dewa Siva. Maka lembu dianggap sebagai binatang yang terhormat, kerana mampu menyerahkan dirinya untuk melayani dewa. Kerana rasa hormat dan kagum dari masyarakat hindu itulah yang menyebabkan lembu sangat dihormati (Doniger, 2017). Penganut agama Hindu menghormati lembu namun mereka tidak menyembah lembu dan tunduk kepadanya. Namun begitu, terdapat segelintir orang penganut Hindu yang memakan lembu kerana mereka tidak mempraktikkan ajaran Hindu.

Krishna, salah satu bentuk jelmaan tuhan yang paling dihormati juga cenderung kepada lembu. Dewa Krishna sangat menyukai lembu sehingga dia ingin menjadi pengembala lembu. Dalam Srimad Bhagavad Gita ada dinukilkan bagaimana dewa Krishna mengaku bahawa ia adalah Kamadhenu “*Among cows I am the wish fulfilling cow*” (Srimad Bhagavad Gita 10: 28) yang bermaksud ‘Di antara lembu-lembu, akulah yang merupakan lembu yang memenuhi kehendak’. Kerana cintanya yang mendalam terhadap lembu, Krishna juga digelar sebagai Gopala yang bermaksud pelindung lembu. Gopala merupakan suatu lambang hubungan antara alam semesta beserta dengan segala isinya dengan Tuhan. Dewa Krishna merupakan penjelmaan Tuhan dalam tubuh manusia dengan tujuan untuk memelihara dan menjadi pelindung alam semesta dari kejahatan dan kerosakan (Made Darmayasa, 2009).

Berdasarkan tradisi dan mitologi masyarakat Hindu, penghormatan terhadap lembu sehingga sekarang masih diamalkan oleh masyarakat Hindu. Lembu disebut sebagai Kamadhenu atau Surabi yang bermaksud ibu pertama dari semua ternakan. Lembu merupakan ibu dari semua makhluk yang memberikan kehidupan kepada alam semesta ini. Di negara India sendiri, penghormatan terhadap lembu dilihat dari segi masyarakat Hindu berpantang dari memakan daging lembu dan lebih memilih hidup sebagai vegetarian. Selain itu, sebagai salah satu cara menzahirkan rasa syukur mereka, masyarakat Hindu meletakkan patung-patung lembu di kuil-kuil tempat mereka melakukan sembahyang. Dengan begitu, rasa hormat kepada lembu akan selalu diingati oleh masyarakat Hindu.

Menurut Made Darmayasa (2009), ajaran untuk menghormati binatang lembu tidak hanya berdasarkan pada falsafah Hindu dan mitologi-mitologi sahaja namun ajaran untuk menghormati lembu juga dijumpai pada kandungan kitab-kitab Hindu. Terdapat banyak ayat-ayat dan seloka yang menjelaskan bahawa lembu merupakan binatang yang suci dan masyarakat Hindu dilarang dari memakan daging terutamanya daging lembu atau kerbau. Lembu memiliki pandangan yang damai dan penuh kasih kepada semua yang melihatnya, sehingga lembu menjadi binatang para dewa.

Secara kesimpulannya, kesucian lembu sangat berkait rapat dengan dewa dalam Hindu. Namun begitu, lembu tidak disembah secara khusus dengan wujudnya rumah ibadat yang dikhususkan

kepada imej Gomatha atau Kamadhenu kerana penyucian kepada Gomatha ini dimanifestasikan dengan memelihara dan menyucikan semua haiwan lembu (White, 2003).

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan rekabentuk etnografi. Pemilihan rekabentuk ini dibuat bagi mengkaji satu kelompok budaya atau masyarakat dalam situasi sebenar. Ia merupakan metodologi deskriptif tentang budaya dan manusia. Kajian bentuk ini memperolehi maklumat melalui temubual sama ada secara formal atau tidak formal. Ianya adalah bentuk kajian interpretasi data sosiobudaya (Othman, 2017). Rekabentuk ini digunakan bagi mendalami kepercayaan masyarakat Hindu di Malaysia terhadap kesucian lembu.

Bagi mencapai objektif kajian, pengkaji menggunakan kaedah temubual separa berstruktur. Item soalan temubual telah disahkan oleh pakar bidang iaitu anggota majlis salah sebuah Kuil Hindu yang bertempat di Kuala Lumpur. Soalan ini kemudiannya diajukan kepada sepuluh informan daripada tiga buah universiti di Selangor. Jadual 1 menunjukkan profil informan.

Jadual 1: Profil Informan Kajian

Informan	Jantina	Pendedahan kepada ajaran Asal hindu	Institusi
R1	Lelaki	Keluarga, kuil, sekolah	Langkawi
R2	Perempuan	Keluarga, kuil, sekolah	Ipoh
R3	Perempuan	Keluarga, kuil, sekolah	Parit Buntar
R4	Perempuan	Keluarga, kuil, sekolah	Teluk Intan
R5	Lelaki	Keluarga, kelas agama, bacaan tambahan	Penang
R6	Perempuan	Keluarga, kelas agama	Shah Alam
R7	Lelaki	Keluarga	K.L
R8	Lelaki	Keluarga, kelas agama	Klang
R9	Perempuan	Keluarga	Johor
R10	Perempuan	Keluarga, kelas agama	Seri Kembangan

Antara kaedah untuk menjadikan data kualitatif mempunyai kepercayaan yang tinggi adalah dengan melaksanakan triangulasi antara data. Nota lapangan seperti temu janji, temu bual rasmi dan tidak rasmi, pemerhatian dan pengumpulan dokumen juga adalah satu bentuk kebolehpercayaan yang tinggi. Kesahan dan kebolehpercayaan data kualitatif juga adalah melalui tandatangan terhadap data yang dikutip. Persetujuan, pembetulan fakta, pengakuan dan pengesahan responden terhadap data menjadikan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap data ditingkatkan (Kamarul Azmi, 2012). Semua aspek tersebut dilakukan dalam kajian ini bagi kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian ini. Data temubual telah ditranskrip secara verbatim sebelum dibaca dan dianalisis secara tematik. Tema berkaitan kepercayaan mahasiswa berkaitan lembu telah dikenalpasti secara manual oleh para pengkaji.

Dapatan Kajian

Hasil dapatan kajian menunjukkan lembu dianggap sebagai haiwan yang menempatkan 33 dewa Hindu di antaranya adalah Shiva, Brahma, Vishnu, Ganesh, Lakshmi dan sebagainya. Kepercayaan ini disebut dengan Gomatha atau *kamadhenu* yang membawa maksud ibu lembu. Pada lembu juga terdapat jalan untuk mendapatkan syurga. Dengan memberikan khidmat dan menyembah mereka akan membawa seseorang kepada jalan kebaikan dan menghapuskan dosa.

Kedudukan lembu dianggap suci sama seperti dewa-dewa Hindu. Perkara ini dapat dilihat selari dengan kenyataan-kenyataan informan berikut:

Kami percaya bahawa semua tuhan tinggal dalam badan lembu. (R8/TB/117-118/5)
Dia Gomatha adalah salah satu dewa dalam agama kami. (R7/TB/108/5)
Gomatha itu kita lihat bahawa lembu itu suci. (R3/TB/55/3)

Dalam kepercayaan mahasiswa Hindu tentang tuhan, mereka percaya lembu adalah manifestasi ketuhanan namun ianya bukanlah tuhan. Hal ini dibuktikan menurut kenyataan R5 dan R3. Lembu mempunyai kedudukan sama seperti dewa mereka tetapi bukanlah dianggap sebagai dewa. Kenyataan ini disokong oleh R2 apabila informan mengatakan bahawa lembu dianggap tuhan kerana memberi manusia makanan dan sumber-sumber kehidupan yang lainnya.

Dia bukan god tapi dia ada sama taraf lah. (R5/TB/227/9)
Gomatha itu refleksi dari tuhan itu sendiri. (R2/TB/67/3)
Bukan tuhan tetapi sebab dia (lembu) memberikan kita makanan, maka kita anggap dia sebagai tuhan. (R4/TB/71/3)

Oleh kerana lembu menjadi tempat tinggal tuhan maka ianya disembah sama seperti mereka menyembah tuhan. Kesemua R5, R6 dan R7 mengakui bahawa pemujaan terhadap lembu berlaku dan mereka menganggap lembu merupakan dewa dan juga sama taraf seperti tuhan. Perkara ini ditekankan oleh kenyataan informan berikut:

so, actually, diaorang sembah lembu tu sebagai macam tuhan lah. (R6/TB/219-220/9)
...they pray her as a god.(R5/TB/221/9)
The cow is the dewa right? so it is the god. So we also pray to the cow like a god. (R7/TB/115-116/5)

Hasil daripada temubual bersama informan juga menunjukkan selain daripada kaitan lembu dengan dewa-dewa Hindu, pengikut Hindu juga mempercayai lembu merupakan ibu alam yang memberikan sumber makanan dan minuman kepada manusia. R3 dan R1 menjelaskan bagaimana lembu dianggap sangat penting dalam kehidupan sehari-hari kerana merupakan sumber makanan manusia. Perkara ini disebutkan dengan jelas oleh majoriti informan.

Sebab dia memberikan kita sumber untuk dapatkan makanan. Kita hormatinya la. (R2/TB/73-74/3)
Pertanian semua itu mereka gunakan lembu sebab tu lah ada konsep Gomatha. Sebab tu kita sembah Gomatha. (R3/TB/75-76/3)
Gomatha. Basically we pray the cow as our mother because she's giving milk. So, we imagine her as a mother for us. (R5/TB/213-215/9)
sebab masa dulu-dulu kan, mereka guna lembu sebagai sumber utama untuk milk, semua tu kan. (R6/TB/216-217/9)

Lembu juga dianggap sebagai haiwan yang banyak membantu sosio-ekonomi zaman Hindu kuno di mana lembu digunakan sebagai haiwan yang membuat kerja-kerja pembajakan. Lembu dianggap sebagai pemangkin kepada ekonomi masyarakat Hindu. Hal ini ditegaskan oleh R5 dan R6 yang menyebut bagaimana lembu digunakan oleh mahasiswa Hindu dalam kehidupan sehari-hari mereka.

lagi-lagi lembu juga digunakan untuk sawah padi semua tu kan. Untuk buat baja, lepas tu nak korek semua lubang tu kan. So, diaorang macam sembah lah lembu tu. (R6/TB/222-224/9)

sebab dekat India, diaorang punya main source tu nasi kan? So, nak kena hasilkan benda tu, diaorang guna, dulu kan tak ada traktor apa benda tu. So, diaorang guna kerbau dengan lembu je untuk padi tu.(R5/TB/573-574/23)

Secara umumnya, mahasiswa Hindu mempercayai lembu merupakan haiwan suci kerana hubungannya dengan dewa-dewa Hindu di mana lembu dianggap sebagai tempat bersemayamnya 33 dewa mereka sehingga lembu diangkat sama suci dengan dewa. Kepercayaan ini jelas lahir daripada kebergantungan mahasiswa Hindu terhadap lembu apabila lembu digunakan sebagai haiwan yang membajak dan banyak memberi manfaat kepada manusia.

Tuntasnya, lembu mempunyai satu kedudukan yang istimewa dalam kepercayaan mahasiswa Hindu. Lembu dianggap sebagai setaraf dengan dewa sehingga menyebabkan ianya tidak boleh disembelih dan dimakan dagingnya kerana dagingnya yang dianggap suci serta kedudukannya sebagai ibu alam yang telah memberikan pelbagai manfaat kepada manusia sehingga ia perlu dihormati dan disanjungi.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, pendewaan lembu dalam kepercayaan masyarakat Hindu bermula dengan konsep Kamadhenu dan Gomatha yang menganggap lembu sebagai haiwan yang banyak memberikan manfaat kepada manusia seperti ibu yang banyak berkorban untuk anak-anaknya begitulah lembu. Lembu juga membantu memenuhi keperluan manusia daripada segala aspek samada dari sudut fizikal melalui makanan mahupun spiritual di mana sebahagian bahan lembu digunakan dalam mengubat penyakit rohani dan digunakan dalam pemujaan. Seterusnya pendewaan lembu dapat dilihat daripada simbol lembu Kamadhenu yang menempatkan 33 dewa-dewa lain di mana lembu Kamadhenu ini seolah-olah dianggap sebagai ibu kepada sekalian dewa. Walaupun tiada kuil yang dikhususkan kepada penyembahan lembu Kamadhenu, namun manifestasi penyembahan kepadanya wujud dalam setiap lembu yang hidup. Dalam meneliti kepercayaan mahasiswa Hindu, kajian ini jelas menunjukkan kepercayaan mereka sejajar dengan konsep Kamadhenu dan Gomatha di mana majoriti informan mempercayai lembu dianggap sebagai sama taraf dengan dewa bertitik tolak daripada kepercayaan mereka bahawa lembu banyak memberi manfaat dan kebaikan buat manusia. Hal ini juga yang menyebabkan masyarakat Hindu dilarang daripada memakan daging lembu kerana ia dianggap suci. Justeru, pendewaan lembu dalam agama Hindu jelas bertitik tolak daripada kedudukan lembu sebagai pemberi manfaat kepada manusia sehingga taraf kedudukannya menyamai kedudukan Tuhan sejajar dengan teks agama Hindu.

Tuntasnya, dalam kehidupan masyarakat pelbagai agama, sikap saling memahami dan menghormati adalah tunjang dalam melestarikan keharmonian agama. Dengan mengetahui dan memahami sensitiviti masyarakat Hindu terhadap lembu, pengikut agama lain dapat lebih mengambil maklum dalam menjaga sensitiviti tersebut bagi mengelakkan konflik-konflik yang boleh menggugat kesejahteraan masyarakat beragama.

Penghargaan

Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (KUIS/PB/2018/GPIK-INHAD/001)

Rujukan

- Achaya, K.T. 2002. A Historical Dictionary of Indian Food. New Delhi: Oxford India Paperbacks.
- Bhaktivedanta Swami Prabhupada. 2014. *Voice of Cows*. India: Sanak Sanatan Das.
- Biardeau, Madeleine. 1993. "Kamadhenu: The Religious Cow, Symbol of Prosperity". In Yves Bonnefoy (ed.). *Asian mythologies*. Chicago: University of Chicago Press.
- Doniger, Wendy. 2017. Hinduism and its complicated history with cows. *The Conversation*. theconversation.com/Hinduism-and-its-complicated-history-with-cows-and-people-who-eat-them-80586)
- Harris Marvin. 1987. *The Sacred Cow and the Abominable Pig: Riddles of Food and Culture*. New York: Simon & Schuster.
- Jha, D. N. 2002. *The Myth of Holy Cow*. New Delhi: Matrix Book.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012, Puteri Resort Melaka pada 28-29 Mac 2012.
- Ketut Wiana. 1993. Pengantar buku oleh Made Dermayasa: "Keagungan Lembu Menurut Weda". Jakarta: Pustaka Manikgeni.
- Korom, F. J. 2000. Holy Cow! The Apoteosis of Zebu, or Why the Cow is Scared in Hinduism. *Asian Folklore Studies*. 59. 181-203
- Lodrick, Deryck O. 2005. Symbol and Sustenance: Cattle in South Asian Culture. *Dialectical Anthropology*. 29: 61-84
- Made Darmayasa. 2009. *Keagungan Lembu Menurut Weda*. Bali: Manikgenik.
- Margo DeMello, 2012. Animals and Society: An Introduction to Human-Animal Studies. Columbia University Press
- Othman Lebar. 2017. Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- R. K. Prabhu & U. R. Rao. 1960. The Mind of Mahatma Gandhi. Ahemadabad: Jitendra T. Desai Navajivan Mudranalaya.
- Sanderson, S.K. 2011. Lembu yang Suci dan Babi yang Menjijikkan dalam *Makrososiologi* (terj.). Ed. 2. Jakarta: RajaGrafindo Persada
- Simoons, Frederick J. 1973. The Scared Cow and The Constitution of India. *Ecology of Food and Nutrition*. 2(4):281-295
- Smith, Frederick M. 2006. The Self Possessed: Deity And Spirit Possession in *South Asian Literature and Civilization*. Columbia: Columbia University Press
- Sri Radha Govindaji, 1998, Cerita-cerita Rohani, Radhastami: Sukadeva dasa,
- Venugopalam, R. 2003. "Animal Deities". Rituals and Culture of India. New Delhi: B. Jain Publishers.)
- White, David Gordon. 2003. *Surabhi, The Mother of Cow*. Chicago: University of Chicago Press
- Zulkeffly Adimun & Indriaty Ismail. 2019. Ahimsa Mahatma Gandhi: Perspektif Tokoh Hindu di Malaysia. *Akademika*. 89 (2). 57-66.

R1 (Penganut agama Hindu), dalam temubual dengan penulis, 25 April 2019.

R10 (Penganut agama Hindu), dalam temubual dengan penulis, 26 April 2019.

R2 (Penganut agama Hindu), dalam temubual dengan penulis, 25 April 2019.

R3 (Penganut agama Hindu), dalam temubual dengan penulis, 25 April 2019.

R4 (Penganut agama Hindu), dalam temubual dengan penulis, 25 April 2019.

R5 (Penganut agama Hindu), dalam temubual dengan penulis, 8 Mei 2019.

R6 (Penganut agama Hindu), dalam temubual dengan penulis, 25 Mei 2019.

R7 (Penganut agama Hindu), dalam temubual dengan penulis, 26 April 2019.

R8 (Penganut agama Hindu), dalam temubual dengan penulis, 26 April 2019.

R9 (Penganut agama Hindu), dalam temubual dengan penulis, 26 April 2019.